

**AL-BID'AH AL-FTIQADIYYAH:  
SATU KAJIAN TERHADAP AMALAN KHURAFAT DALAM  
MASYARAKAT MELAYU**

**FIRDAUS KHAIRI BIN ABDUL KADIR**

**DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**2014**

1100094934

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah  
Universiti Malaysia Terengganu.

tesis

BP 165.7 F5 2014



1100094934

Al-Bid'ah al-ltaqadiyyah : satu kajian terhadap amalan khurapat dalam masyarakat melayu / Firdaus Khairi Abdul Kadir.



PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

21030 KUALA TERENGGANU

1100094934		

Lihat Sebelah

HAK MILIK

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

***AL-BID'AH AL-ITIQĀDIYYAH:***  
**SATU KAJIAN TERHADAP AMALAN KHURAFAT DALAM**  
**MASYARAKAT MELAYU**

**FIRDAUS KHAIRI BIN ABDUL KADIR**

**Tesis ini telah diserahkan sebagai memenuhi keperluan untuk  
Ijazah Doktor Falsafah di Pusat Pendidikan Asas dan Liberal  
Universiti Malaysia Terengganu**

**2014**

## Dedikasi

Saya dedikasi tesis ini buat kedua ibubapa tercinta, Tuan Guru Hj Abdul Kadir bin Zainol dan Ustazah Hajjah Essah @ Halimah Saadiah binti Abdullah yang sering mendoakan kejayaan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Berkat doa ayahanda dan bonda untuk melihat ankanda memperolehi Ph.D akhirnya dimaqbulkan Allah. Dengan doa yang tidak berpenghujung inilah, menjadikan ranjau dan onak berjaya dirempuh dengan kesabaran yang tinggi.

Saya dedikasikan juga tesis ini buat isteri tercinta Ustazah Noraznida binti Ab. Rahman yang setia memahami karenah suami sepanjang pengajian ini. Pengorbanan seorang isteri yang banyak membantu dalam pelbagai aspek keperluan rumah tangga amat dihargai. Kekanda sedar bukan senang menghadapi seorang suami yang terpaksa mengagihkan masanya untuk rumah tangga, kerjaya dan pelajaran. Walau bagaimanapun, segala kesabaran adinda selama ini amat dihargai.

Saya juga turut mendedikasikan tesis ini buat anakanda-anakanda tersayang, Firasatul Elham, Firasatul Najwa, Muhammad Nabeel Anwar dan Firasatul Nuha yang sering sahaja memberikan dorongan dan sokongan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Jadikanlah kesungguhan dan kejerihan abah dalam menuntut ilmu sehingga ke peringkat Ph.D ini sebagai satu kekuatan dan keazaman buat anakanda-anakanda sekalian mengharungnya nanti. Ketahuilah bahawa ilmu tidak akan diwarisi, namun begitu ilmu mampu diterokai dengan kesungguhan dan tekad yang tinggi.

## **ABSTRACT**

**Abstract of thesis presented to the Senate of**

**Universiti Malaysia Terengganu**

**In fulfillment of the requirement for degree of Doctor of**

**Philosophy**

***AL-BID'AH AL-ITIQĀDIYYAH:***

**A STUDY ON THE PRACTICE OF KHURAFAT IN THE**

**MALAY COMMUNITY**

**FIRDAUS KHAIRI BIN ABDUL KADIR**

**2014**

**Main Supervisor : Associate Professor Fadzli bin Adam, Ph.D**

**Centre : Centre of Liberal and Foundation Education**

The debate on the conflict between *bid'ah* and *sunnah* has been going on for ages. This ongoing conflict is closely related to a society's stage in its civilization and its culture. In due cause, the culture of *bid'ah* will hinder the progress of the Islamic civilization. Muslims will be lulled with this false worship till they forget their duty as khalifah in this world. In general, Muslims know that the effect of *bid'ah* is digression which leads to the destruction of the *a'qīdah*. It is with this in mind that many traditional scholars such as Imām Al-Shāfi'i (150 H-204H), Imām Mālik (164 H-241H), al-Shātibī (790 H), Imām I'zzu al-Din bin Abdul Salām (577H-660H) and many others had debated on this issue for so long. These debates have been recorded in their monumental works such as *Al-I'tiṣām*, *Qawāid al-Aḥkām* and many more. In the modern context, with the rapid progress in world civilizations and the myriad of concepts and methodology in achieving *taqarrub ila Allah* (to bring one close to Allah), have led many modern scholars like Al-Qadarawi, Al-Ghazali and Al-Zuhaili to conduct in-depth study on the nature of *bid'ah* and its primary issue which could threaten the sanctity of the Islamic *a'qīdah*. This study therefore,

discusses the significant threat of *bid'ah* practices, which is still widespread in the Malay community, besides looking at the Malay community's perception of these superstitious practices. The study also intended at determining the level of faith among Muslims whilst exposed to the elements of *bid'ah*. To realize this, two approaches have been adopted. These approaches are firstly, qualitative in nature, in which nine prominent religious figures were interviewed using structured interview questionnaire and secondly, quantitative approach, carried out with a set of questionnaire distributed to 300 respondents in East Coast of Malaysia using random sampling. The result of these two findings was further supported by the analysis of data obtained from reliable sources such as books, academic journals and so on. The findings of this study generally showed that Muslims in the East Coast are aware of the existence of the superstitious culture around them through faith healing care, fortune-telling, the belief in charms and so on. However, the existence of this culture is insuperable. What is more worrying, is that these beliefs could open the space in the spread of false teaching of *al-Bid'ah al-I'tiqādiyyah*.

## ABSTRAK

**Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat**

**Universiti Malaysia Terengganu**

**Sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

***AL-BID'AH AL-I'TIQĀDIYYAH:***

**SATU KAJIAN TERHADAP AMALAN KHURAFAT DALAM**

**MASYARAKAT MELAYU**

**FIRDAUS KHAIRI BIN ABDUL KADIR**

**2014**

**Penyelia Utama : Profesor Madya Fadzli bin Adam, Ph.D**

**Pusat : Pusat Pendidikan Asas dan Liberal**

Perbahasan tentang pertentangan antara *bid'ah* dan *sunnah* telah berlangsung sekian lama. Pertentangan besar ini adalah berkait rapat dengan ketamadunan sesebuah masyarakat dan budaya. Ini adalah kerana, rentetan daripada budaya *bid'ah* akan merencatkan kemajuan tamadun Islam. Umat Islam akan asyik dengan ibadat rekaan sehingga melekakan mereka sebagai *khalifah* untuk mengimarahkan dunia ini. Hadith Rasulullah (SAW) telah menekankan bahawa kesan *bid'ah* adalah kesesatan, manifestasi kepada kesesatan adalah kemasuhan akidah. Lantaran itulah, para ulama' silam seperti Imām Al-Shāfi'i (150 H-204H), Imām Mālik (164 H-241H), al-Shātibī (790 H), Imām I'zzu al-Din bin Abdul Salām (577H-660H) dan ramai lagi, telah cuba menjelaskan tentang pengertian sebenar konsep *bid'ah* dalam Islam sebagaimana dirakamkan dalam kitab besar mereka seperti *Al-I'tisām*, *Qawāid al-Aḥkām* dan banyak lagi. Dalam konteks kini, ulama' masakini seperti Al-Qaradawi, Al-Ghazali dan Al-Zuhaili yang turut sama menjelaskan tentang persoalan dasar yang mampu menggugat kemurnian akidah Islam. Kajian ini membincangkan ancaman besar budaya *bid'ah* yang masih subur dalam masyarakat Melayu sehingga kini, selain meninjau persepsi masyarakat Melayu terhadap amalan-amalan berunsur khurafat. Tinjauan ini adalah bertujuan untuk menentukan tahap keimanan umat Islam yang terdedah dengan unsur-unsur *bid'ah*. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, dua kaedah pendekatan telah digunakan iaitu pendekatan kualitatif melalui temubual

dengan sembilan orang tokoh yang berkaitan dengan kajian. Manakala pendekatan yang kedua ialah pendekatan kuantitatif menerusi edaran soal selidik kepada 300 orang responden di Pantai Timur. Hasil daripada kedua-dua dapatan ini, turut disokong dengan kaedah pemerhatian dan analisis data yang diperolehi dari sumber-sumber yang lebih *mu'tabar* seperti kitab-kitab, jurnal-jurnal akademik dan sebagainya. Dapatan daripada kajian ini, secara umumnya menunjukkan umat Islam di Pantai Timur sedar tentang wujudnya budaya khurafat disekitar mereka. Namun kesedaran itu, tidak mampu diterjemahkan di dalam realiti kehidupan. Lantaran itu, menjadikan kepercayaan dan amalan yang berunsur khurafat masih mekar di rantau ini. Hal Ini terbukti dengan wujudnya kepercayaan perbomohan, budaya telekan nasib, kepercayaan kepada azimat dan sebagainya. Apa yang lebih membimbangkan, kepercayaan berkenaan mampu membuka ruang kepada penyebaran ajaran sesat yang merupakan *al-Bid'ah al-Itiqādiyyah*.